

# 3.8 juta B40 layak terima skim MySalam

B1/HARIAN MS 8 9/4/18

**Kuala Lumpur:** Seramai 3.8 juta golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dijangkakan layak menjadi penerima Skim Perlindungan Nasional B40 (MySalam).

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah, berkata penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR) di seluruh negara yang berumur antara 18 hingga 55 tahun dan pasangannya layak mendapat skim MySalam.

“Skim ini berkuat kuasa 1 Januari lalu dan penerima yang layak boleh membuat tuntutan takaful mulai 1 Mac 2019 menerusi portal MySalam.

“MySalam bertujuan mengurangkan bebanan golongan isi rumah B40 yang mudah terjejas akibat kejutan kewangan sekiranya mereka terpaksa dimasukkan ke hospital atau menghidapi penyakit kritikal luar jangka.

## Terdekah kejutan kewangan

“Kita dapatgi golongan isi rumah B40 lebih terdedah kepada kejutan kewangan dan kehilangan pendapatan sewaktu menerima rawatan, terutama mereka yang bekerja sendiri atau dibayar gaji harian,” katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Rohani Abdul Karim (GPS-Batang Lutar) mengenai jumlah penyertaan golongan B40 dalam MySalam dan sama ada skim berkenaan akan diperluaskan ke seluruh negara.

Amiruddin menjelaskan skim berkenaan bukan perlindungan takaful kesihatan dan perubatan yang lazimnya disediakan pengendali takaful berlesen.